

# Apabila Pas labelkan Hasan Ali dengan pelbagai gelaran...

APABILA bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali menepelak pemimpin Pas dan perjuangan parti itu yang dikatakan semakin terpesong, maka beliau dilabelkan dengan pelbagai gelaran oleh pemimpin dan ahli partinya sendiri.

Namun **Azli Shukri** (*azlishukri.blogspot.com*) melihat perjuangan Hasan bukanlah untuk memerangi parti yang memayunginya tetapi sebagai jihad menentang golongan sekular yang menempel dalam Pas atas nama Islam dan cuba mengubah perjuangan parti.

Katanya, para pemimpin Pas terutama Naib Presidennya, Mahfuz Omar tidak perlu tersinggung dengan sindiran pedas Hassan kerana sememangnya ketidakpuasan hati di kalangan orang Pas terhadap perjuangan parti yang semakin cenderung bersifat liberal dan mengikut telunjuk DAP.

"Mahfuz dan juak-juaknya harus menerima hakikat ini. Sesungguhnya Pas sudah semakin hilang sokongan hanya kerana terjerat dengan gaya politik Anwar Ibrahim.

"Apabila orang kafir harbi dijadikan ka-

**"Apapun, Pas sekarang ini memang patut malu! Katau dulu Pas dibandingkan dengan UMNO, sekarang ini Pas sudah tidak mampu nak melawan Perkasa pun dari segi perjuangan. Katau Hasan Ali tak masuk UMNO, beliau pasti akan join Zul Kulim (Datuk Zulkifli Noordin) dalam Perkasa. Baru padan muka Pas**

wan, maka inilah jadinya. Apabila Islam diletakkan di dalam peti undi maka tunggu sahajalah kehancurannya," katanya.

Bagi **log Bumiayang** (*bumiayang.blogspot.com*), Hasan dan Nasharuddin Mat Isa tidak sewajarnya digelar sebagai petualang Pas kerana mereka cuba mempertahankan akidah umat Islam yang dimurtadkan dan mempertahankan perjuangan asal Pas mewujudkan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

"Bukankah Nik Aziz (Nik Mat) dan Haji

Hadi (Awang) yang sepatutnya dilihat sebagai "petualang" sebenar yang telah menukar dasar perjuangan penubuhan parti demi memenuhi untuk mencapai cita-cita politik mereka?" kata beliau.

Blog **MPP Online** (*mediapermatangpauh.blogspot.com*) pula melihat sikap Pas yang tidak membela orang Melayu, kurang mempedulikan institusi raja-raja Melayu dan perjuangan Islam yang semakin lemah akibat pengaruh DAP dan PKR menjadi penyebab Hasan bertindak bertenta-

ngan dengan partinya.

Katanya, Hasan telah tunjukkan bahawa Pas tidak mampu untuk menggantikan kedudukan UMNO dalam perjuangan agama, bangsa dan negara malahan jika dibandingkan dengan Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa), perjuangan Pas jauh ketinggalan.

"Betullah cakap Hasan Ali, macam mana nak perjuang Islam kalau bangsa Melayu itu sendiri tidak kuat? Bukankah di negara ini Melayu itu Islam? Bukan semua Islam itu Pas.

"Apapun, Pas sekarang ini memang patut malu! Kalau dulu Pas dibandingkan dengan UMNO, sekarang ini Pas sudah tidak mampu nak melawan Perkasa pun dari segi perjuangan. Kalau Hasan Ali tak masuk UMNO, beliau pasti akan join Zul Kulim (Datuk Zulkifli Noordin) dalam Perkasa. Baru padan muka Pas," katanya.

Blog **Kedah Ke KL** (*kedahkekl.blogspot.com*) menganggap apa yang berlaku ke atas Hasan sama seperti Zulkifli cuma bezanya Ahli Parlimen Bandar Baru Kulim itu dipecat dari Parti Keadilan Rakyat (PKR)

kerana isu berkaitan kalimah Allah manakala Hasan pula ditekan kerana mempertahankan perjuangan asal Pas menegakkan Islam.

Katanya, inilah amalan yang dilakukan oleh pakatan pembangkang terutama PKR dan Pas iaitu mana-mana pemimpin yang memperjuangkan kebenaran akan dipulau dan disingkirkan.

"Apakah Hasan Ali akan mengikut jejak langkah Zulkifli, sama-sama la kita lihat. Cuma kes Zulkifli agak pelik sedikit, (kerana) beliau ahli Pas dan tidak mempunyai keahlian dalam PKR. Tetapi beliau dipecat kalau tak dak keahlian?"

"Pas, DAP dan PKR memang pelik. Apa pun boleh. Pas parti Islam yang tidak memperjuangkan Islam, DAP parti rasis Cina yang tidak mengaku rasis, (dan) PKR parti sokong seks bebas yang tidak mengaku jahat," katanya.

**Kelolaan LUKMAN ISMAIL**  
lukman@utusan.com.my